AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : METRO

Offering insight into the heart

First 3D structure at exhibition offers close-up view of cardiovascular functions

ONE in four Malaysians has some form of heart disease but many may be unaware of their condition.

The Heart Exhibition was held to educate Malaysians on protecting their hearts and preventing heart disease, the nation's number one killer for more than three decades

The Heart Exhibition was a joint initiative of four organisations — Yayasan Jantung Malaysia (YJM), National Heart Association of Malaysia (NHAM), Women's Heart Health Organisation (WH2O) and the National Heart Institute (IJN).

It was launched by the Health Ministry's Disease Control deputy director Dr Zainal Ariffin Omar, who represented the minister, Datuk Seri Dr S. Subramaniam,

In his speech, Dr Subramaniam revealed that statistics from hospitals under the ministry showed that cardiovascular disease was the leading cause of about 35% of deaths in individuals below 60 years.

He added that more than 8,000 new heart patients were recorded annually.

The two-day event held at the Mid-Valley Exhibition Centre featured Malaysia's first 3D giant heart structure — an enormous replica of the human heart.

The exhibition gave more than 50,000 visitors a chance to know what it feels like to be a tiny microorganism besides getting a close-up view of cardiovascular functions and the damage caused by a heart attack.

They also got the chance to take part in the Fit-o-Fun Heart Rider Challenge and ECG tests.

More than 3,000 individuals were screened for heart disease risk factors and counselled by qualified healthcare professionals while representatives from NHAM and YJM also conducted heart-health talks.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : METRO

1. Dr Zainal Ariffin checking out the 3D giant heart structure.
2. National Heart Association of Malaysia staff guiding a visitor during a CPR training session.
3. Free health screening also being provided at the exhibition.

AKHBAR : MALAY MAIL
MUKA SURAT : 41
RUANGAN : WORLD

US Ebola patient 'fighting for his life'

DALLAS — The first person diagnosed with Ebola in the United States was fighting for his life at a Dallas hospital on Sunday and appeared to be receiving none of the experimental medicines for the virus, a top US health official said. Thomas Eric Duncan became ill after arriving in the Texas city from Liberia two weeks ago, heightening concerns that the worst Ebola epidemic on record could spread from West Africa. — Reuters

AKHBAR : KOSMO !
MUKA SURAT : 49
RUANGAN : DUNIA

Saintis ramal wabak Ebola menular ke Perancis 24 Oktober ini

LONDON – Para saintis meramalkan kebarangkalian Perancis terdedah kepada jangkitan virus Ebola menjelang 24 Oktober ini adalah 75 peratus manakala risiko wabak berkenaan menular ke Britain pula sebanyak 50 peratus.

Angka tersebut diperoleh berdasarkan pengiraan kekerapan penerbangan masuk dan keluar dari dua negara Eropah tersebut.

"Jika penerbangan ke negara-negara berisiko dikurangkan pada tahap 80 peratus pula Perancis masih terdedah pada penularan wabak Ebola sebanyak 25 peratus, manakala Britain 15 peratus," kata pakar virus Universiti Lancaster di Britain, Derek Gatherer.

Wabak demam Ebola mula dikesan di Afrika Barat pada Mac lalu. Setakat ini, epidemik itu telah membunuh lebih 3,400 dan menjangkiti 7,200 yang lain.

Sementara itu, pesakit Ebola pertama di Amerika Syarikat, Thomas Eric Duncan kini dilaporkan berada dalam keadaan kritikal di Hospital Kesihatan Presbyterian Texas di Dalla sejak dia dimasukkan Ahad lalu. – Reuters

AKHBAR : KOSMO !
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NEGARA !

Tidak patuhi peraturan larangan merokok di sekitar kawasan rehat lebuh raya

Perokok masih ingkar arahan

Oleh FARID AHMAD TARMIJI
farid.ahmad@kosmo.com.my

ORANG ramai masih tidak menghiraukan larangan merokok di kawasan R & R Restoran Jejantas Sungai Buloh di Lebuhraya PLUS, Sungai Buloh, Selangor semalam.

PEMIDANG yang memberikan ingatan kepada pengunjung tentang larangan merokok di kawasan R&R di Restoran Jejantas, Lebuhraya PLUS, Sungai Buloh, Selangor.

RAWANG – Ibarat mencurahkan air di daun keladi. Itu perumpamaan yang sesuai diberikan kepada perokok tegar yang masih merokok di sekitar kawasan Rehat dan Rawat (R&R), Lebuhraya Utara-Selatan milik PLUS Malaysia Bhd. (PLUS) walaupun ia merupakan kawasan larangan merokok.

KHAIRUN

Walaupun sudah dipasang papan tanda dan pemidang bagi memaklumkan tempat tersebut sebagai kawasan larangan merokok, mereka masih tidak menghiraukannya dan masih meneruskan tabiat itu.

Tinjauan *Kosmo!* di R&R Sungai Buloh dan Rawang mendapati masih terdapat perokok tegar tidak menghiraukan peraturan itu dengan merokok di kawasan yang dilarang.

Tanpa segan silu, mereka menghembus asap rokok di zon larangan seperti di tempat makan dan di ruang pejalan kaki berbumbung di sekitar kawasan R&R itu.

Menurut seorang pekerja di R&R Rawang yang hanya mahu dikenali sebagai Aisyah, kebanyakan pengguna R&R masih merokok di kawasan yang tidak sepatutnya.

"Walaupun notis sudah dipasang, mereka masih meneruskan tabiat itu.

"Kebanyakan perokok tegar ini tidak menghiraukan peraturan itu malah tanpa rasa bersalah mereka masih merokok secara bebas," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Tinjauan juga mendapati beberapa pekerja di R&R itu turut melakukan tabiat yang sama.

Sementara itu, seorang pekerja swasta, Khairun Nahar Rusdi, 36, mengakui masih terdapat pengguna R&R tidak menghiraukan peraturan tersebut.

"Saya sering mengguna R&R ini dan saya lihat ramai yang merokok di kawasan larangan seperti di ruang makan dan kawasan berbumbung yang mempunyai ramai pengguna lain," katanya.

Pada Jun lalu, kerajaan mengumumkan rancangan untuk menjadikan semua kawasan tertutup di kawasan R&R di semua lebuh raya diwartakan sebagai kawasan bebas dan larangan merokok pada tahun ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri S. Subramaniam berkata, ia membabitkan kawasan makan dan tandas di R&R.

Katanya, perbincangan telah diadakan dengan beberapa agensi berkaitan dan kesemua bersetuju untuk melaksanakan arahan itu sebelum akhir tahun ini.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGARA

Bukan doktor Kementerian Kesihatan

KUALA LUMPUR 6 Okt. - Kementerian Kesihatan menafikan penglibatan warga kerjanya dengan sebarang kumpulan pengganas, tetapi tidak menolak kemungkinan seorang doktor wanita Malaysia yang kini berada di Syria dan dipercayai terbabit dengan kumpulan militan Negara Islam (IS) di negara tersebut, bekerja sendiri.

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah (gambar), maklumat berhubung doktor yang berusia 26 tahun itu belum disalurkan kepada pihaknya dan ini menyukarkan beliau untuk mengulas lanjut berhubung perkara itu.

"Doktor yang dikatakan terlibat dengan militan di Syria tidak semestinya kerja dengan Kementerian Kesihatan, sebaliknya mungkin beliau doktor di hospital swasta atau bekerja sendiri.

"Pihak kami belum terima apa-apa berita atau maklumat berkaitan perkara ini, selagi itu, kami tidak dapat beri sebarang reaksi. Sekiranya warga kementerian terlibat, sudah tentu perkara itu sampai kepada kami terlebih dahulu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr. H. Krishna Kumar berkata, pihaknya tidak akan menyokong atau berkompromi dengan mana-mana ahlinya yang dipercayai terbabit dengan IS.

Jelas Krishna Kumar, mana-mana pengamal perubatan yang berniat untuk berjihad atau berkongsi kepakaran mereka bagi membantu masyarakat Islam lain di negara luar dinasihatkan menggunakan saluran yang tepat dan bukannya melalui penyertaan dalam kumpulan militan.

Baru-baru ini, polis mengeluarkan kenyataan bahawa seorang doktor berusia 26 tahun merupakan antara 22 rakyat Malaysia yang berada di Syria dan dipercayai terbabit dengan IS.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : HATI

Fahami keadaan jantung

Oleh Basyar Mustapha
basyar@hmetro.com.my

PENGUNJUNG menjalani pemeriksaan kesihatan di The Heart Exhibition.

Kita sering mendengar kematian akibat serangan penyakit jantung, tetapi masih ramai rakyat negara ini yang kurang mengambil tahu mengenai kesihatan jantung mereka.

Untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat, empat organisasi Yayasan Jantung Malaysia (YJM), Persatuan Jantung Negara Malaysia (NHAM), Organisasi Kesihatan Jantung Wanita (WH2O) and Institut Jantung Negara (IJN) bergabung tenaga mengadakan Pameran Jantung baru-baru ini.

Ini menjadikan pameran unik ini sebagai medium terbesar dalam usaha menyebarkan kepentingan kesihatan jantung yang optimum untuk kebaikan setiap individu.

Pameran dua hari di MidValley Exhibition Centre itu dirasmikan Timbalan Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Dr Zainal Ariffin Omar.

Berbekalkan ikrar bagi terus memberi galakkan dan motivasi kepada rakyat Malaysia kearah kesihatan jantung yang lebih baik, pameran itu mendapat sambutan baik daripada pengunjung yang mahu memahami keadaan jantung mereka.

Turut ditampilkan buat pertama kalinya adalah struktur jantung gergasi tiga dimensi supaya pengunjung dapat menghayati bagaimana perasaannya menyusuri anatomi jantung sebagai satu organisma kecil.

Selain dapat mempelajari secara lebih dekat bagaimana jantung berfungsi dan melihat sendiri kerosakan akibat serangan jantung, pengunjung turut berpeluang menyertai cabaran Fit-o-Fun Heart Rider, selain menjalani pemeriksaan jantung.

Lebih 3, 000 pengunjung memanfaatkan peluang menjalani pemeriksaan bagi mengesan faktor risiko sakit jantung dan kaunseling serta berkesempatan mendengar ceramah mengenai kesihatan jantung yang disampaikan pakar perubatan dari NHAM dan YJM.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam dalam ucapan perasmian yang dibacakan oleh Zainal Ariffin berkata, semua hospital kerajaan merekodkan penyakit jantung sebagai punca utama 35 peratus kematian dalam kalangan mereka yang berumur di bawah 60 tahun. Apa yang membimbangkan ialah lebih 8,000 pesakit jantung baru direkodkan setiap tahun.

Menurutnya lagi, ramai rakyat Malaysia yang mempertaruhkan kesihatan jantung mereka tanpa disedari. Tahap kesedaran mengenai masalah kolesterol yang tinggi dan penyakit diabetis masih lagi rendah kerana 26.6 peratus golongan yang mempunyai tahap kolesterol tinggi tidak menyedari keadaan mereka.

Untuk setiap satu pesakit diabetis yang berjaya mengenalpasti penyakit mereka, dua lagi dengan penyakit yang sama tidak didiagnos. Hipertensi atau tekanan darah tinggi pula menjejaskan kehidupan lebih 12 juta rakyat Malaysia yang boleh membawa kepada penyakit jantung dan strok. Apa yang membimbangkan adalah kebanyakkan mereka yang terjejas lebih muda dari yang direkodkan di negara Barat.

Pakar kardiologi IJN, Datuk Dr Rosli Mohd Ali berkata, seperti yang ditunjukkan dalam pangkalan data penyakit jantung negara, umur purata pesakit yang dimasukkan ke wad akibat sakit jantung adalah 59 tahun iaitu tujuh tahun lebih muda dari umur purata 66 tahun yang direkodkan pada Daftar GRACE.

"Malaysia diletakkan sebagai negara paling tinggi kadar obesitinya di Asia Tenggara dan juga antara 20 negara paling tinggi kadarnya di seluruh dunia.

"Malah, kita juga diberikan satu lagi gelaran iaitu negara ke-10 paling malas di dunia berdasarkan ketidakaktifan fizikal rakyat negara ini. Tentunya gelaran ini tidak membanggakan, malah amat mendukacitakan" katanya.

Subramaniam menambah program ini dapat memperkasakan rakyat Malaysia dengan pengetahuan yang betul mengenai faktor risiko penyakit jantung dan langkah yang boleh diambil untuk mencegahnya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 15 (sambungan)
RUANGAN : HATI

ZAINAL Ariffin melalui sendiri pengalaman di dalam replika jantung gergasi.